

# Buletin

e-ISSN: 2600-8289

Ramadhan - Syawal 1443/ Mei 2022

ACIS

## Mempertahankan Diri Menurut Perspektif Islam



eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 6

# Buletin ACIS

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin  
(Rektor)

### Penasihat:

Siti Aishah binti Sokhibul Fadil  
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

### Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah  
Nasif Sidquee Pauzi  
Nur Sofiah binti Suhaimi

### Sidang Pengarang:

Siti Nur Husna binti Abd Rahman  
Hisam Satari  
Suhaila Sharil & Hjh Jawiyah Darmawan

### Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1  
70300 Seremban 3,  
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan artikel akademik atau apa-apa hasil karya?

Hantarkan ke  
[bulletinacisnsdk@gmail.com](mailto:bulletinacisnsdk@gmail.com)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS** siri ke-43 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini adalah “**Mempertahankan Diri Menurut Perspektif Islam**”. Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

## Isi Kandungan

Mempertahankan Diri Menurut Perspektif Islam **3**

Madrasah Pertama dan Masjid Pertama dalam Islam **11**

Program Sumbangan Baju Raya **12**

## HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

# Mempertahankan Diri Menurut Perspektif Islam

Oleh:

**Siti Nur Husna binti Abd Rahman**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

## PENDAHULUAN

Mutakhir ini, kita sering dipaparkan dengan kes-kes jenayah dan keganasan yang tidak berperikemanusian seperti membuli, meragut, merompak, merogol dan membunuh melalui pelbagai media massa sama ada akhbar, televisyen, radio malah telah menular di laman sesawang seperti facebook, twitter, instagram dan sebagainya. Hal ini melahirkan rasa bimbang dan khuatir dalam kalangan masyarakat awam khususnya wanita dan kanak-kanak. Kebimbangan yang memungkinkan mereka menjadi salah seorang mangsa jenayah dan keganasan seterusnya. Apakah yang perlu dilakukan oleh individu atau kelompok tertentu bagi mempertahankan diri apabila mereka berhadapan secara realiti menjadi mangsa jenayah dan keganasan tersebut? Bagaimanakah cara yang sewajarnya untuk mereka ambil sebagai pertahanan diri ketika berlaku saat-saat genting tersebut? Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji cara dan peringkat yang dibenarkan dalam Islam ketika seseorang yang berhadapan dengan situasi jenayah bagi mempertahankan diri dan hukum Islam berhubung isu mempertahankan diri seterusnya aplikasi kaedah usul dan fiqhiyyah berkaitan isu mempertahankan diri ini.

## DEFINISI

*Difa' sa'il* merupakan dua kalimah iaitu *difa'* dan *al-sa'il*. *Difa'* bermaksud membala, melindungi atau mempertahankan (Ibn Manzur 2010). Manakala *sa'il* ialah orang yang melakukan kezaliman atau penyerang yang melakukan pencerobohan, kecurian atau rompakan ke atas orang lain untuk menaklukinya atau menguasainya (Ibn Manzur 2010).

Definisi '*shiyal*' dari sudut bahasa bermaksud menyerang atau menerkam untuk menguasai (Mustafa Khin et al. 2011). *al-sa'il* ialah pelaku kezaliman dan mushawwal ialah orang yang dizalimi (Zuhaily 2012).

*Difa' Syarie* Khas menurut syarak ialah suatu kewajipan ke atas setiap manusia untuk menjaga dirinya atau diri orang lain, maruahnya atau maruah orang lain, hartanya atau harta orang lain daripada setiap pencerobohan yang tidak dibenarkan syarak dengan menggunakan kekuatan pada kebiasaannya untuk mempertahankan daripada pencerobohan. *Difa' syarie* khas dikenali juga sebagai *difa' sa'il* ('Audah 2008).

## DALIL PENSYARIATAN MEMPERTAHANKAN DIRI

Terdapat beberapa dalil berkisar tentang hukum *As-Shiyal* atau pembelaan diri. Antaranya :

### Al-Quran

Firman Allah s.w.t bermaksud "*Oleh sebab itu barang siapa yang menyerang kamu, maka seranglah ia, seimbang dengan serangannya terhadapmu. Bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah, bahawa Allah beserta orang-orang yang bertakwa*".

(Al-Quran, Al Baqarah 2:194).

Ayat di atas menjelaskan kepada kita hukum sesuatu serangan. Ayat ini menjelaskan bahawa adalah dibenarkan membala semula sesuatu serangan dengan tindakan yang sama untuk mempertahankan diri, walaupun dengan membunuh. Kebenaran membala serangan atau mempertahankan diri berdasarkan kalimah *فَاعْتَدُوا*. Kalimah ini merupakan fil amar yang bermaksud wajib menyerang dan mempertahankan diri. Walaubagaimanapun, di awal ayat menyebutkan syarat dengan lafadz *fa'* dan ditambah dengan kalimah *بِمُثْلٍ* sebagai ukuran. Maka, hukum wajib mempertahankan diri ini diikat dengan syarat persamaan dalam bentuk serangan. Oleh itu, tidak harus seseorang itu mempertahankan diri dengan melakukan serangan lebih berat terhadap penyerang berbanding serangan yang penyerang lakukan terhadap individu terbabit. Contohnya, melakukan tidak harus dibalas dengan membunuh.

Asal sesuatu pencerobohan ke atas manusia sama ada jiwa mahupun harta adalah haram. Oleh itu, apabila berlaku juga pencerobohan seseorang ke atas seseorang yang lain, maka harus ke atasnya mempertahankan dirinya daripada pencerobohan (Abd Kadir 2011).

### Sunnah

Berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w bermaksud "*Sesiapa yang dibunuhi kerana mempertahankan hartanya, dia adalah syahid. Sesiapa yang dibunuhi kerana mempertahankan keluarganya, dia adalah syahid. Sesiapa yang dibunuhi kerana mempertahankan agamanya, dia adalah syahid. Sesiapa yang dibunuhi kerana mempertahankan nyawanya, dia adalah syahid*" (Riwayat Abu Daud).

Hadith ini menunjukkan bahawa seseorang itu dikategorikan sebagai syahid apabila dibunuhi kerana mempertahankan harta, keluarga, agama dan nyawa. Hal ini menunjukkan bahawa keharusan mempertahankan harta, keluarga, agama dan nyawa. Walaubagaimanapun, keharusan kepada mempertahankan harta, keluarga, agama dan nyawa bukan bermakna keharusan juga kepada membunuh ketika mempertahankan kesemuanya.

Oleh itu, keharusan melakukan serangan balas perlu melihat kepada keutamaan dalam menjaga *dharuriyyat al-khams*. Maka, tidak harus ke atas seseorang individu itu membunuh penyerang demi mempertahankan harta kerana menjaga nyawa itu perlu lebih untuk diutamakan berbanding menjaga harta. Dan serangan ketika mempertahankan harta, keluarga, agama, dan nyawa perlu bersamaan dengan serangan yang dilakukan oleh penyerang. Maka, tidak harus seseorang membala serangan dengan membunuh sedangkan penyerang hanya melukakan sahaja.

## RUKUN

Terdapat empat rukun *As-Shiyal* dan melawan orang yang zalim (*As-Sa'il*). Iaitu :

### i. Orang yang Melakukan Kezaliman (*Al-Shail*)

Iaitu orang yang melampaui batas dan zalim, sama ada dia seorang muslim atau kafir, berakal atau gila, baligh atau kanak-kanak, kerabat atau orang lain, manusia atau lainnya. Seseorang tidak dilabelkan sebagai zalim melainkan ia melampaui batas dengan menyakiti orang lain tanpa sebab yang munasabah (Zuhaily, 2012).

### ii. Orang yang Membela Diri (*Mushawwal*)

Iaitu orang yang melawan perlakuan orang yang zalim serta mencegah perbuatan penganiayaan, sama ada orang yang membela diri itu melakukan pembelaan demi jiwa, harga diri, harta atau selainnya (Zuhaily 2012).

Seseorang juga dibenarkan melakukan penghalangan terhadap seorang muslim yang hendak melakukan penganiayaan terhadap zimmi, menghalang orang tua yang hendak menganiaya anaknya, menghalang penternak yang hendak menganiaya ternakannya (Zuhaily 2012).

### iii. Objek Penganiayaan

Iaitu jiwa, harga diri atau harta. Objek tersebut disyaratkan harus sesuatu yang terpelihara. Jiwa meliputi tubuh, anggota tubuh dan fungsinya. Harga diri meliputi perlakuan zina atau pendahuluan menuju zina, sama ada terhadap perempuan atau lelaki. Harta meliputi sesuatu yang dimiliki dan yang boleh untuk dikelola, seperti anjing pemburu dan penjaga (Zuhaily, 2012).

### iv. Kezaliman

Iaitu sesuatu yang mendorong seseorang berbuat zalim terhadap jiwa, harga diri dan harta. Jika penganiayaan melibatkan ketiga-tiga perkara itu, maka pembelaan yang perlu diutamakan terlebih dahulu adalah terhadap jiwa diikuti harga diri dan kemudian harta, sama ada sedikit ataupun banyak bentuk penganiayaan yang dilakukan (Zuhaily, 2012). Hal ini berdasarkan kaedah

اذا تعارض مفسدتان روعي اعظمهما ضررا بارتكاب اخفهما  
apabila terdapat pertentangan antara dua kemudarat, dihindarkan lebih berat dan dilaksanakan yang lebih ringan (Abd Latif & Rosmawati, 2000).

Jika sekiranya dua orang melakukan kezaliman yang sama terhadap dua jiwa atau harta dan tidak memungkinkan untuk membela keduanya secara serentak, maka diperbolehkan membela yang mana sahaja (Zuhaily, 2012).

## SYARAT

Syarat mengharuskan tindakan mempertahankan diri ada empat:

a. Berlaku dalam bentuk serangan, menurut pendapat jumhur. Bagi ulama Hanafi, ia berlaku dalam bentuk serangan yang membawa hukuman jenayah. Dengan yang demikian pukulan seorang bapa, suami atau guru yang bertujuan mendera atau mengajar tidak boleh dinamakan sebagai tindakan serangan. Menurut ulama Hanafi, serangan seorang gila, budak dan binatang tidak dikira sebagai perbuatan jenayah (Shahbari 1996). Serangan juga mestilah sesuatu yang bukan hak. Sekiranya ia perbuatan yang hak seperti hukuman qisas atau pemutang mengambil harta dari penghutang, maka ia tidak dikira sebagai serangan atau pencerobohan kerana ia sesuatu yang hak (Abd Kadir 2011).

Ulama Hanafi berpendapat bahawa jika seseorang membunuh seekor unta yang menyerang atau binatang lain adalah dikenakan bayaran ganti rugi kerana harta yang dirosakkan atas sebab terpaksa wajib dikenakan ganti. Ini berpegang kepada kaedah اضطرار لا يبطل حق الغير iaitu keadaan terpaksa tidak membatalkan atau memansuhkan hak orang lain (Shahbari 1996).

Pendapat jumhur daripada ulama Hanafi mengatakan bahawa pukulan atau pembunuhan binatang kerana keadaan memaksa tidak dikenakan apa-apa bayaran ganti ke atas orang yang mempertahankan diri kerana pembunuhan itu diharuskan oleh syara untuk tujuan mempertahankan diri bagi mengelakkan bencana buruk. Hukum ini diqiyaskan kepada keharusan orang membunuh penyerang.

Kehormatan jiwa lebih penting daripada kehormatan harta. Juga diqiyaskan kepada darah seorang pemburu yang tidak berlesen jika ia menyerang. Ini berbeza dengan hukum makanan (Shahbari 1996).

b. Serangan berlaku dengan sebenar dan akan berlaku pada masa akan datang bukan setakat ancaman semata (Shahbari 1996).

c. Serangan tidak dapat dielakkan dengan cara lain atau tiada alternatif lain. Jika ada jalan lain seperti meminta pertolongan orang lain atau pertolongan polis maka ia tidak dikira (Shahbari 1996).

d. Pertahanan dilakukan dengan cara yang sesuai iaitu mengikut keutamaan sebagaimana telah dijelaskan (Shahbari 1996).

## KATEGORI PENYERANG

Penyerang dibahagikan kepada beberapa kategori dengan melihat kepada sasaran serangan. Dengan ini penyerang boleh dibahagikan kepada tiga kategori:

a. Penyerang terhadap nyawa. Iaitu seseorang yang menceroboh secara tidak benar terhadap orang lain dengan niat membunuh atau mendatangkan kecederaan atau sebagainya kepada fizikal (Mustafa Khin et al. 2011).

b. Penyerang terhadap maruah. Iaitu seseorang yang menceroboh seseorang wanita yang bukan isterinya, sama ada yang mempunyai hubungan kekeluargaan atau tidak, dengan niat untuk mengadakan perzinaan atau mukaddimah zina. Selain kepada wanita, ia turut melibatkan pencerobohan terhadap lelaki (Mustafa Khin et al. 2011).

c. Penyerang terhadap harta. Harta ialah setiap sesuatu yang berharga dan bernilai di sisi syarak sama ada dimiliki dengan cara yang disyariatkan atau sekadar dengan menguasainya seperti anjing pemburu, anjing pengawal, baja daripada najis dan sebagainya (Mustafa Khin et al. 2011).

Termasuk dalam maksud harta ialah wang dan barang-barang lain yang berharga seperti tanah, rumah atau barang yang bermanfaat sama ada yang suci atau najis (Mustafa Khin et al. 2011).

## **PERINGKAT PEMBELAAN DIRI TERHADAP PERLAKUAN ZALIM**

Cara membela diri terhadap perlakuan zalim mempunyai tingkatan bermula dari yang lebih ringan dan seterusnya (Basri Ibrahim 2009). Jika boleh ditentang dengan perkataan, berteriak dan meminta tolong dari orang lain, haram menggunakan tangan dan pukulan. Jika boleh menggunakan tangan, haram menggunakan sebatan. Jika dengan sebatan sudah memadai, pemukulan dengan kayu diharamkan. Jika dengan pukulan kayu tidak dapat mengelakkan kezaliman terus berlaku, maka dibolehkan dengan senjata. Apabila terpaksa mengorbankan salah satu anggota tubuh, maka harus melakukannya. Tidak membunuh pelaku kezaliman kerana hanya dibolehkan dalam keadaan terpaksa. Oleh itu, tidak boleh melakukan yang lebih berat jika tujuan yang ingin dicapai masih boleh dengan cara yang lebih mudah. Jika pembelaan tidak boleh dilakukan kecuali membunuh, maka ia boleh dilakukan dan tidak dikenakan qisas dan diyat. Ia hanya diwajibkan mengemukakan bukti. Berbeza dengan keadaan apabila sesuatu yang ringan membolehkan untuk membela diri, tetapi terus sahaja melakukan pembunuhan, maka qisas ke atasnya kerana dikira sebagai orang yang bertanggungjawab ke atas pembunuhan tersebut (Zuhaily 2012; Abu Ishaq Ibrahim 2002).

Waktu penyerang menyerang mangsa, kemudian penyerang meninggalkan mangsa, maka mangsa tidak berhak menghalanginya. Ketika mangsa sudah membala memukul penyerang dan dia tidak lagi menyerang, maka mangsa tidak berhak memukul lagi, kerana tujuan membela diri adalah mengelakkan serangan penyerang (Abu Ishaq Ibrahim 2002).

## **HUKUM**

Hukum melakukan serangan adalah haram kerana menceroboh ke atas orang lain (Mausu'ah Fiqhiyyah 1993). Walaubagaimanapun, ketika seseorang merasa diancam untuk diserang oleh orang lain, sama ada kepada jiwanya, harta atau keluarganya, maka dia berhak membela diri (Abu Ishaq Ibrahim 2002). Sebagaimana firman Allah s.w.t bermaksud "*Janganlah kamu melampaui batas, karena sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas*". Al-Quran Al Baqarah 1:190

Sabda Nabi s.a.w bermaksud "*Setiap muslim ke atas muslim yang lain adalah haram : darahnya, hartanya dan maruahnya*".

Manakala, hukum membala sesuatu serangan dibenarkan oleh syarak. Pada sesetengah keadaan, mangsa diwajibkan untuk membala sesuatu serangan. Namun, pada sesetengah keadaan yang lain pula, hukum membala sesuatu serangan hanya diharuskan sahaja (Mustafa Khin et al. 2011). Hukum ini dibahagikan berdasarkan kepada tiga kategori :

### **1. Serangan terhadap Harta**

Sekiranya serangan dilakukan terhadap harta dan mangsa adalah pemilik harta tersebut, pembalasan dalam keadaan ini sekadar diharuskan sahaja. Mangsa boleh membuat pilihan sama ada untuk mengalah dan menyerahkan sahaja harta tersebut atau membuat tindakan balas (Zuhaily 2012; Mustafa Khin et al. 2011; Abu Ishaq Ibrahim 2002). Walaubagaimanapun, ada yang berpandangan tiada perbezaan antara harta sendiri atau orang lain (Mausu'ah Fiqhiyyah 1993).

Sekiranya harta tersebut bukan milik mangsa tetapi mangsa sebagai penjaga amanah oleh pemiliknya, contohnya mangsa adalah ketua negara atau timbalannya, atau penjaga tanah milik umat seperti tentera, mereka wajib membala serangan penyerang dan mengambil semula harta tersebut. Ini kerana sebagai penjaga amanah, mereka wajib melindunginya dan tidak berhak untuk mendermanya atau memberikannya kepada orang lain (Zuhaily 2012; Mustafa Khin et al. 2011). Menjaga amanah harta itu wajib, maka mempertahankan harta dari kezaliman juga menjadi wajib berdasarkan kaedah مَا لِيْتَ الْوَاجِبَ إِلَّا بِفُوْ وَاجِبَ (Ibrahim 2012).

Walaubagaimanapun, Zuhaily (2012), sekiranya orang yang melakukan perampasan harta itu melakukan perkara itu kerana faktor paksaan daripada pihak lain agar merosakkan barang orang lain, maka mangsa dalam hal ini tidak boleh melakukan serangan balas. Hal ini kerana, untuk menjaga roh pelaku perampasan yang dipaksa oleh orang lain seperti orang yang dipaksa untuk makan demi menjaga nyawa kerana nyawa atau roh lebih bernilai berbanding harta (Zuhaily 2012). Perbezaan hukum antara mempertahankan harta dan mempertahankan diri atau kehormatan kerana harta merupakan benda yang boleh diharuskan melalui proses keizinan dan pengharusan, sedangkan diri adalah sesuatu yang tidak boleh diharuskan melalui proses pengharusan (Shahbari 1996).

Jumhur ulama sepakat mengatakan bahawa mempertahankan harta hukumnya harus bukan wajib, sama ada harta yang dipertahankan itu banyak atau sedikit. Tindakan pemilik harta yang mencederakan atau cedera hingga mati terhadap pengambil hartanya tidak dikenakan hukuman qisas. Sebaik-baiknya gunakan cara yang lebih ringan atau mudah jika memadai (Shahbari 1996; Mausu'ah Fiqhiyyah 1993). Sebagaimana hadis riwayat Abu Hurairah bermaksud "*Seorang lelaki menemui baginda Rasulullah dan bertanya, "hai Rasulullah, apa pendapat baginda jika seorang lelaki datang hendak mengambil atau merampas harta saya?" jawab baginda, "jangan engkau berikan (dalam lafadz yang lain : bunuh orang itu demi hartamu)." Tanyanya lagi, "kalau dia hendak membunuh saya?" jawab baginda, "bunuh dia." "habis jika saya terbunuh?" baginda menjawab, "engkau mati syahid. "ia bertanya lagi : "kalau saya bunuh dia?" jawab baginda, "orang itu (perampas) masuk neraka."*"

Sesetengah ulama Maliki berpendapat bahawa mempertahankan harta yang sedikit tidak harus. Oleh itu, wajib mempertahankan harta sekiranya dalam kuantiti yang banyak. Namun, kuantiti yang sedikit tidak wajib untuk mempertahankannya (Mausu'ah Fiqhiyyah 1993). Tetapi pada zahir hadis tidak membezakan antara harta sedikit atau banyak (Shahbari 1996). Ulama Hanafi berpendapat wajib mempertahankan harta sekiranya harta tersebut sedikit yang tidak sampai kepada nisab (Mausu'ah Fiqhiyyah 1993). Setengah ulama yang lain berpendapat bahawa mempertahankan harta itu hukumnya wajib iaitu setelah pemiliknya memberi amaran (Shahbari 1996). Ulama hanbali berpendapat wajib mempertahankan harta orang lain yang dengan kuat sangkaan orang yang mempertahankan tersebut selamat (Mausu'ah Fiqhiyyah 1993).

Ulama Syafii membuat perbezaan antara harta bernyawa dan tidak bernyawa. Harta yang tidak bernyawa tidak wajib dipertahankan kerana ia sesuatu yang boleh diharuskan melalui proses pengharusan. Manakala, harta yang bernyawa wajib dipertahankan jika ada usaha-usaha hendak merosakkan kerana menghormati roh atau nyawa.

Jika ada orang cuba membinasakan binatang secara tidak syar'i atau secara haram, wajib dipertahankan mengikut pendapat yang terkuat. Begitu juga wajib dipertahankan harta yang ada hubungan dengan hak orang lain seperti harta gadaian dan pinjaman (Shahbari 1996). Begitu juga harta yang milik orang lain wajib dipertahankan (Mausu'ah Fiqhiyyah 1993).

Justeru, apabila berlaku pembunuhan ke atas individu atau kumpulan yang menzalimi ke atas harta, maka tidak dikenakan ganti rugi, qisas, diyat mahupun kafarah kerana berdasarkan firman Allah s.w.t antara suruhan membunuh dan penafian ganti rugi. Seterusnya terdapat pengecualian berhubung mempertahankan harta iaitu makruh ke atas orang yang ingin mempertahankan harta dengan merosakkan harta orang lain (Mausu'ah Fiqhiyyah 1993). Hal ini berdasarkan kaedah اضطرار لا يبطل حق الغير.

### Serangan terhadap Maruah

Mempertahankan maruah adalah wajib sepakat ulama walau siapapun penyerangnya, sama ada muslim atau kafir, saudara atau tidak. Ini kerana perzinaan tidak dibenarkan, sama seperti haram kepada perkara seumpamanya seperti mukadimah zina (Mustafa Khin et al. 2011; Mausu'ah Fiqhiyyah 1993; Abd Kadir 2011).

Wajib mempertahankan maruah sama ada maruah yang melibatkan dirinya sendiri, keluarganya atau orang lain. Ini kerana menyerah kepada lelaki yang hendak mencabul kehormatan hukumnya haram. Ketiadaan usaha mempertahankan diri bererti menyerah kepada penyerang. Oleh itu, ia berhak membunuh lelaki yang memperkosa (Shahbari 1996). Kewajipan mempertahankan maruah wajib bukan sahaja terhad kepada perempuan, malah lelaki juga wajib mempertahankan maruah mereka ketika diserang (Zuhaily 2012).

Orang yang mempertahankan maruah dirinya atau maruah orang lain, sehingga terpaksa melakukan pembunuhan terhadap penyerang kerana tiada cara lain untuk mencegah kecuali dengan membunuhnya, maka, orang tersebut perlu mengemukakan bukti agar dia tidak dikenakan qisas (Zuhaily 2012). Fuqaha berbeza pendapat dalam masalah penyaksian. Jumhur berpendapat perlu empat orang saksi, imam Malik penyaksian seorang sudah memadai beserta sumpah, imam Syafi'i berpendapat memadai penyaksian dengan kata-katanya, namun berbeza menurut imam Hanbali iaitu perlu kepada saksi, sekiranya tiada saksi, maka qisas ke atasnya (Mausu'ah Fiqhiyyah 1993). Ini kerana memelihara kehormatan termasuk dalam perkara yang disuruh Allah S.W.T pelihara di atas bumi (Shahbari 1996). Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawasanya Saad bin Ubadah berkata maksudnya *"Wahai Rasulullah, bagaimana pendapatmu jika aku mendapat isteriku bersama seorang lelaki, apakah aku membiarkannya sehingga aku mendatangkan empat orang saksi?" Rasulullah bersabda, "Ya."*

Hadis ini menunjukkan bahawa perkataan orang yang membela maruah dirinya atau maruah orang lain sama ada keluarganya atau bukan keluarganya, perlu diperkuatkan dengan bukti untuk sabit penerimaan perkataan mereka (Zuhaily 2012).

Dalam Shahbari (1996) menambah, orang yang mempertahankan maruah tidak dipertanggungjawabkan dari segi hukum jenayah dan sivil, ia tidak dikenakan qisas dan tidak diyat. Ini diasaskan berdasarkan *athar* sahabat yang disebutkan bermaksud "seorang lelaki menerima tetamu daripada bani hudhail lalu lelaki itu hendak

kehormatan seorang perempuan yang menjadi tetamu itu, tetapi perempuan itu marah dan melontarnya dengan batu sehingga mati. Khalifah umar berkata, "demi Allah tidak dikenakan diyat kepada wanita itu."

Jika mempertahankan harta diharuskan, maka wanita atau lelaki yang mempertahankan diri daripada perkara buruk yang dilarang adalah lebih utama (Shahbari 1996).

### Serangan terhadap Nyawa

Bagi serangan terhadap nyawa, beberapa keadaan perlu diambil perhatian. Keadaan pertama, penyerang mungkin terdiri daripada orang yang dijamin nyawanya ataupun orang yang tidak dijamin nyawanya (Mustafa Khin et al. 2011).

Orang yang dijamin nyawanya seperti orang Islam, kafir zimmi atau kafir mu'ahad (orang kafir yang meminta perjanjian damai). Mereka terbahagi kepada dua situasi iaitu pertama, sekiranya mangsa mendapat penyerang sedang melakukan jenayahnya seperti zina dan membunuh, dia berhak membunuhnya serta merta tanpa sebarang amaran kerana darah penyerang halal dan tiada qisas atau diyat ketika ini (Mustafa Khin et al. 2011). Hal ini kerana, meskipun orang kafir itu mendapat perlindungan, hak perlindungannya terbatas dengan tindakan kejahatan yang dilakukannya (Zuhaily 2012). Oleh itu, wajib kepada mangsa untuk mempertahankan dirinya ketika diserang orang kafir.

Bagi orang yang bertindak untuk mempertahankan diri tidak dikenakan sebarang tanggungjawab sivil dan jenayah kecuali jika tindakan itu keterlaluan. Tindakan yang keterlaluan menjadi kesalahan mengikut hukum sivil dan orang tersebut dikenakan hukum qisas. Tidak harus bagi seseorang membunuh penyerang melainkan ada bukti yang mengatakan bahawa penyerang tidak dapat dikalahkan melainkan dengan membunuhnya. Bagi ulama Maliki sekiranya berlaku kes pembunuhan, tetapi tiada saksi yang melihat kes tersebut, maka perkataan orang yang diserang beserta sumpah diterima (Shahbari 1996).

Kedua, sekiranya mangsa mendapat penyerang cuba memulakan jenayahnya seperti membunuh, mencuri dan zina, mangsa dikehendaki melakukan tindakan mencegah penyerang secara berperingkat daripada peringkat yang lebih ringan sehingga kepada tindakan yang lebih keras. Sekiranya mangsa membunuh penyerang, sedangkan tindakan penyerang boleh disekat tanpa melakukan pembunuhan, mangsa akan dikenakan qisas kerana melakukan kesalahan membunuh dan perlu bertanggungjawab atas kesalahan yang dilakukannya. Walaubagaimanapun, sekiranya mangsa terpaksa membunuh, darah penyerang adalah halal dan tiada qisas atau diyat dikenakan kepada pembunuh (Mustafa Khin et al. 2011). Imam Hanbali mewajibkan dengannya tanpa fitnah dan kuat pada sangkaan selamat, maka jika sebaliknya berubah kepada haram (Mausu'ah Fiqhiyyah 1993). Berbeza pula keadaan dengan orang yang dipaksa. ini merupakan perkara khilaf dalam kalangan ulama. Imam Malik, Syafi'i, At-Tsauri, Ahmad, Abu Tsaur berpendapat pembunuhan harus dikaikan dengan pelaksanaannya, bukan penyuruhnya. Tetapi penyuruh juga harus dikenakan hukuman. Manakala Daud dan Abu Hanifah berpendapat bahawa orang yang menyuruh dikenakan hukuman mati tetapi tidak pada orang yang disuruh tetapi hanya hukuman dikenakan ke atasnya. Imam Syafi'i berpendapat bahawa orang yang disuruh dikenakan hukuman mati dan bukan orang yang menyuruh. Imam Malik berpendapat bahawa kedua-dua mereka dikenakan hukuman mati (Ibnu Rusyd t.th.).

Ada juga pendapat mengatakan bahawa sekiranya penyerang merupakan orang Islam, mempertahankan diri atau membala semula adalah harus dan bukan wajib. Mangsa boleh membiarkan dirinya dibunuh semata-mata untuk mempertahankan nyawa saudara seislamnya walaupun saudaranya itu menyerangnya (Mustafa Khin et al. 2011; Abd Kadir 2011). Malah beberapa ulama menganggap tindakan tersebut digalakkan dan ada yang menghukum sebagai sunat (Zuhaily 2012) kerana berdasarkan hadis riwayat Abu Daud bahawa nabi s.a.w bersabda bermaksud “*Jadilah antara dua anak adam yang terbaik*”

Hadis ini menunjukkan bahawa dua orang anak adam iaitu Habil dan Qabil. Habil ialah seorang yang tidak membala perbuatan saudaranya, manakala Qabil ialah seorang pelampau dan pembunuhan. Walaubagaimanapun, keadaan berbeza bagi ketua keluarga atau ketua negara sebagai penjaga amanah kepada nyawa orang lain. Mereka wajib mempertahankan dan membala sekiranya penyerang menyerang nyawa dibawah jagaannya (Mustafa Khin et al. 2011).

Ulama Syafi'i menambah bahawa mempertahankan orang lain juga wajib sebagaimana mempertahankan diri sendiri. Ulama Maliki memberi syarat agar diberi amaran terlebih dahulu kepada penyerang kerana merupakan salah satu amalan sunat dalam perang. Manakala ulama Hanbali berpendapat bahawa mempertahankan diri adalah harus, tidak wajib sama ada penyerangnya kanak-kanak, orang dewasa atau orang gila (Shahbari 1996).

Keadaan kedua iaitu penyerang merupakan orang yang tidak dijamin nyawanya seperti orang murtad atau penzina muhsan. Dalam keadaan ini, mangsa boleh bertindak membunuhan terlebih dahulu tanpa perlu memberi amaran atau bertindak secara berperingkat. Mazhab Syafi'i mengatakan, wajib membala jika serangan daripada orang kafir dan berdosa jika diabaikan. Hal ini kerana, mengalah kepada orang kafir adalah suatu penghinaan kepada agama (Mustafa Khin et al. 2011 Abd Kadir 2011).

Menurut mazhab Syafi'i mempertahankan diri juga wajib dilakukan jika diserang haiwan. Ini kerana haiwan disebelih untuk kepentingan manusia, bukan sebaliknya (Mustafa Khin et al. 2011; Abd Kadir 2011). Justeru, manusia tidak patut tunduk dan menyerah kepada haiwan apabila diserang (Zuhaily 2012). Begitu juga serangan yang melibatkan anggota badan atau keupayaan anggota tersebut (Mustafa Khin et al. 2011).

## KAEDAH FIQHIYYAH DALAM AL-SHIYAL

### 1. الضرر يزال

Kaedah ini bermaksud kemudaratan itu wajib untuk dihilangkan, dengan makna kemudaratan telah berlaku. Kemudaratan yang wujud mestilah suatu bentuk kezaliman yang tidak dibenarkan syarak. Namun, sekiranya perkara tersebut diharuskan syarak maka ia dikecualikan seperti hudud, qisas dan takzir (Abd Latif & Rosmawati 2000). Oleh itu wajib untuk menghilangkan kemudaratan yang telah berlaku itu kerana ia merupakan bentuk kezaliman dan haram disisi syarak sebarang bentuk kezaliman. Sekiranya kezaliman masih belum berlaku, wajib untuk menghalangnya. Manakala, jika ia telah berlaku, wajib untuk menghilangkannya (Abd Karim 2003). Asal kaedah ini (Zainal Abidin 1998) sebagaimana sabda nabi s.a.w:

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya: “Tidak ada bahaya dan tidak membahayakan”

Hadis ini menunjukkan bahawa kemudaratan tidak boleh berlaku ke atas diri sendiri dan tidak boleh melakukan kemudaratan ke atas orang lain. Oleh itu, apabila wujudnya sebarang kemudaratan sama ada terhadap nyawa, maruah atau harta sendiri atau juga terhadap orang lain, maka, kemudaratan yang wujud itu perlu dihilangkan dengan melakukan serangan balas untuk mempertahankannya.

Berdasarkan kaedah ini, difa' shail atau mempertahankan diri dibenarkan dan wajib bagi menghilangkan kemudaratan yang wujud ke atas dirinya atau orang lain.

### 2. الضرار لا يزال بالضرار

Kaedah ini bermaksud keadaan darurat tidak boleh dihilangkan dengan darurat yang lain. Ibn Al-Subuki mengatakan kaedah ini seperti susulan kaedah sebelumnya, sehingga berbunyi, “darurat boleh dihilangkan, tetapi tidak dengan darurat yang lain.” Dengan demikian, kedua-duanya ibarat antara pernyataan umum dengan pernyataan khusus, bahkan kedua-duanya sama. Hal ini kerana, jika darurat boleh dihilangkan dengan darurat yang lain, maka tidaklah berfungsi kaedah ‘darurat boleh dihilangkan’ (Mardhiya 2004). Oleh itu, tidak harus menghilangkan suatu keadaan darurat, dengan melakukan darurat yang sama atau darurat yang lebih besar (Abd Karim 2003). Kaedah ini ditaqyidkan, sekiranya salah satu diantara dua mudarat itu lebih besar berbanding yang lain, maka yang besar perlu dihilangkan dengan melakukan yang ringan (Zainal Abidin 1998).

Berdasarkan kaedah ini, tidak harus seseorang itu mempertahankan diri dengan melakukan serangan lebih berat terhadap penyerang berbanding serangan yang penyerang lakukan terhadap individu terbabit. Contohnya, melakukan tidak harus dibalas dengan membunuh. Justeru, keharusan membunuhan perlu melalui beberapa peringkat yang mengikut syarak dimulai dengan cara yang lebih ringan seperti meminta pertolongan, kemudian pukulan biasa, kemudian pukulan dengan menggunakan rotan, kemudian pukulan dengan tongkat, kemudian memotong anggota tertentu. Maka, jika semua peringkat tidak dapat dibendung dari pencerobohan berlaku kecuali dengan cara membunuhy, hendaklah membunuhy (Basri Ibrahim 2009). Sebagaimana firman Allah s.w.t bermaksud “*Oleh sebab itu barang siapa yang menyerang kamu, maka seranglah ia, seimbang dengan serangannya terhadapmu. Bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah, bahwa Allah beserta orang-orang yang bertakwa*” Al-Quran Al Baqarah 1:194).

Ayat di atas menjelaskan kepada kita hukum sesuatu serangan. Ayat ini menjelaskan bahawa adalah dibenarkan membala semula sesuatu serangan dengan tindakan yang sama untuk mempertahankan diri, walaupun dengan membunuhan. Kebenaran membala serangan atau mempertahankan diri berdasarkan kalimah . Kalimah ini merupakan fiil amar yang bermaksud wajib menyerang dan mempertahankan diri. Walaubagaimanapun, di awal ayat menyebutkan syarat dengan lafaz fa' dan ditambah dengan kalimah بيشل sebagai ukuran. Maka, hukum wajib mempertahankan diri ini diikat dengan syarat persamaan dalam bentuk serangan.

### 3. الضرورات تبيح المحظوظات

Kaedah ini bermaksud dalam keadaan darurat mengharuskan melakukan sesuatu perkara yang dilarang. Darurat itu mestilah sesuatu keadaan yang sehingga menyebabkan berlaku kecelakaan dan kemasuhan yang teruk terhadap orang yang dimudaratkan apabila meninggalkan perkara yang mahzur. Mahzur atau perkara yang dilarang di dalam

Berdasarkan kaedah ini, seseorang yang dizalimi sama ada dari sudut nyawa, harta atau maruah dikira sebagai darurat kerana darurat ialah suatu keadaan yang berbahaya dan ancaman yang menyebabkan risiko kerugian yang besar yang berlaku ke atas seorang atau sekumpulan manusia (Ziad Hamdan 2008). Justeru, seseorang yang difa' atau mempertahankan daripada serangan adalah harus (Zainal Abidin 1998). Firman Allah s.w.t bermaksud

*barang siapa yang menyerang kamu, maka seranglah ia, seimbang dengan serangannya terhadapmu. Bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah, bahwa Allah beserta orang-orang yang bertakwa". Al-Quran Al Baqarah 1:194.*

Ayat di atas menjelaskan kepada kita hukum sesuatu serangan. Ayat ini menjelaskan bahawa adalah dibenarkan membala semula sesuatu serangan dengan tindakan yang sama untuk mempertahankan diri, walaupun dengan membunuh (Mustafa Khin et al. 2011). Oleh itu, harus mempertahankan diri daripada haiwan atau manusia apabila diserang sekalipun dengan membunuh (Zuhaily 2006).

#### 4. الضرورات تقدر بقدرتها

Maksud bagi kaedah ini ialah darurat dikira mengikut keadaannya atau mengikut kadarnya. Kaedah ini sebagai ikatan atau taqyid bagi kaedah darurat mengharuskan perkara larangan atau tegahan. Perkara tegahan yang diharuskan untuk dilakukan dalam keadaan darurat diberi keringanan dengan kadar keperluan pada waktu darurat itu sahaja. Maka tidak harus melakukannya melebihi kadar keperluan ketika itu. Kaedah yang berkait dibawah kaedah ini ialah apabila sempit sesuatu perkara itu maka diluaskan, apabila telah luas ia maka disempitkan semula (Ziad Hamdan 2008).

Berdasarkan kaedah ini, keharusan melakukan perkara yang dilarang ketika berlaku serangan atau kezaliman dari pihak yang zalim, mestilah dengan kadar yang perlu sahaja. Contohnya, jika mempertahankan diri dengan cara melukakan sedikit sudah memadai, maka tidak perlu melukakan untuk kali kedua dan seterusnya. Begitu juga jika mempertahankan diri dengan cara memotong satu anggota sudah memadai maka, haram ke atasnya memotong anggota yang lain.

#### 5. اذا تعارض مفسدتان روعي اعظمهما ضررا بارتكاب اخفهما

Kaedah ini bermaksud apabila terdapat pertentangan antara dua kemudarat, dihindarkan lebih berat dan dilaksanakan yang lebih ringan (Abd Latif & Rosmawati 2000). Apabila suatu perkara atau tindakan menyebabkan suatu bahaya yang tidak dapat dihilangkan kecuali dengan satu tindakan bahaya lainnya dan salah satu dari kedua bahaya tersebut lebih besar daripada yang lainnya, maka bahaya yang lebih besar dihilangkan dengan yang lebih kecil. Namun, apabila tindakan tersebut mendatangkan akibat yang lebih besar, maka tidak boleh dilakukan (Nashr Farid & Abdul Aziz 2009). Kaedah yang menyerupai kaedah ini ialah

دَرِيَ المُفَاسِدُ أَوْلَى مِنْ جَلْبِ الْمَصَاحِ

Berdasarkan kaedah ini, jika penganiayaan melibatkan dua bentuk kerosakan iaitu nyawa dan harta, maka pembelaan yang perlu diutamakan terlebih dahulu adalah terhadap nyawa diikuti harta, sama ada sedikit ataupun banyak bentuk penganiayaan yang dilakukan (Zuhaily 2012). Hal ini kerana menjaga nyawa lebih diutamakan dan kedudukannya yang lebih tinggi berbanding harta di dalam *dharuriyyat khams*.

#### 6. اليقين لا يزال بالشك

Kaedah di atas ialah keyakinan tidak hilang dengan keraguan. Kaedah tersebut bermaksud sesuatu perkara yang telah diyakini berlaku, sebarang keraguan yang datang kemudian untuk meragui keyakinan itu tidak diambil kira. Iaitu perkara asal dan yang yakin itu tidak boleh ditinggalkan hukumnya disebabkan oleh sebarang syak atau keraguan. Hal itu kerana perkara yakin tidak mungkin dilupuskan dengan perkara yang lebih lemah daripadanya. Namun begitu, yakin itu hanya mungkin dapat dilupuskan dengan perkara yang sama taraf dengannya atau yang lebih kuat daripadanya. Oleh itu, seseorang itu dikatakan telah meyakini sesuatu apabila ia berdasarkan bukti. Iaitu yang mana ia ditetapkan sama ada melalui pancaindera ataupun dalil (Abd Latif & Rosmawati 2000).

Rumusan kaedah ini, sesuatu yang sudah yakin tidak dapat dihilangkan dengan sesuatu yang syak atau keraguan. Berdasarkan kaedah tersebut, sekiranya seseorang itu telah meyakini sesuatu perkara dan ditetapkan hukum terhadapnya, kemudian berlaku syak atau keraguan terhadap keyakinan tersebut, keyakinan yang asal itu masih kekal dan tidak boleh beramal atau berpegang dengan perasaan syak yang baru mendatang (Abd Latif & Rosmawati 2000).

Aplikasi kaedah ini di dalam perbahasan isu al-shiyal atau mempertahankan diri ialah sekiranya seseorang itu telah diyakini bahawa melakukan suatu pembunuhan terhadap seseorang yang lain dan telah ditetapkan hukuman terhadapnya, kemudian berlaku syak atau syubhat terhadap keyakinan tersebut seperti melakukan pembunuhan kerana mempertahankan diri daripada serangan orang yang dibunuhnya, maka keyakinan yang asal itu masih kekal dan tidak boleh beramal atau berpegang dengan perasaan syak atau ragu-ragu yang bersifat mendatang. Hal itu kerana perkara yakin tidak mungkin dilupuskan dengan perkara yang lebih lemah daripadanya. Namun begitu, yakin itu hanya mungkin dapat dilupuskan dengan perkara yang sama taraf dengannya atau yang lebih kuat daripadanya. Oleh itu, seseorang itu perlu mengemukakan bukti-bukti yang kukuh dan lebih kuat bagi menghilangkan syak terhadap dirinya iaitu melakukan pembunuhan kerana mempertahankan diri. Sekiranya pesalah mampu mengemukakan bukti-bukti yang lebih kukuh kerana mempertahankan diri, maka syak yang bersifat mendatang berubah menjadi keyakinan dan diganti dengan keyakinan yang asal.

#### 7. ادرءوا الحدود بال شبّهات

Kaedah di atas bermaksud hukuman hudud gugur dengan sebab keraguan. Kaedah ini bermaksud hukuman hudud itu gugur kerana ada syubhat atau juga hukuman boleh gugur dengan berdasarkan perkara-perkara syubhat. Justeru, jika hukuman terhadap jiwa tidak dikenakan, maka harus dikenakan hukuman penggantinya iaitu diyat (Ibnu Rusyd t.th)

Di mana apabila perbuatan atau kes jenayah tersebut didapati ada keraguan atau syubhat, hukuman hudud itu tidak dapat dijatuhkan dan tidak dapat dilaksanakan terhadap penjenayah kerana dibimbangi berlaku kesilapan dan kezaliman dalam menjatuhkan hukuman. Untuk itu segala keputusan yang salah ditolak, sebagaimana lafadz kaedah keputusan yang salah atau batal itu ditolak (Abd Latif & Rosmawati 2000).

Terdapat tiga bentuk syubhat yang dapat menggugurkan hukum hudud iaitu syubhat yang berhubung pelaku yang disebabkan oleh salah sangka pelaku, perbezaan pendapat para ulama dan syubhat kerana tempat (Djazuli 2006).

Ibnu Taimiyah berkata dalam al-ikhtiyarat bahawa hukuman-hukuman yang boleh dilaksanakan sama ada hudud atau takzir adalah apabila ada bukti-bukti yang cukup. Oleh itu sekiranya terbukti melakukan kejahanan, ia harus dihukum meskipun telah bertaubat (Mu'ammal Hamidy et al. 1994).

Untuk menetapkan atau memastikan sama ada terdapatnya keraguan atau tidak dalam sesuatu kes jenayah itu perlu kepada penilaian dan penelitian daripada hakim dengan bentuk penelitian yang terperinci. Ia dapat dikaitkan dengan lafaz kaedah hakim itu dituntut supaya meneliti dan berhati-hati (Abd Latif & Rosmawati 2000).

Hal tersebut supaya tidak dapat dibebaskan penjenayah begitu sahaja, sedangkan hakikatnya ia adalah penjenayah. Namun kiranya ada keraguan hendaklah dihindarkan daripada menjatuhkan hukuman. Hal itu agar tidak berlaku kezaliman terhadap orang yang tidak bersalah atau hukuman yang dikenakan terhadapnya tidak setimpal dengan jenayah yang dilakukannya. Justeru itulah, kaedah tersebut memberi landasan bahawa hukuman itu tidak sepatutnya dijatuhkan selagi ada keraguan (Abd Latif & Rosmawati 2000).

Konteks itu, seseorang hakim atau qadi yang bertindak membicara kes jenayah hendaklah meneliti segala bukti dan keterangan dengan teliti sebelum menjatuhkan hukuman. Setelah mendapati dan terbukti dengan bukti dan keterangan yang sah barulah dijatuhkan hukuman. Menjatuhkan hukuman itu dikhususkan untuk imam atau hakim dan wakilnya. Selaras kaedah melaksanakan hukuman hudud dan menyekat perselisihan berkaitan dengan hak-hak dikhaskan kepada hakim (Abd Latif & Rosmawati 2000).

Menurut ulama mazhab Syafi'i bahawa syarat perkara syubhat itu hendaklah kuat atau kukuh, seandainya tidak begitu, ia tidak akan memberi apa-apa kesan. Antara lain juga, syubhat atau keraguan itu menyebabkan gugur dosa atau tidak berdosa dan tidak haram (Abd Latif & Rosmawati 2000).

Aplikasi kaedah ini di dalam perbahasan isu al-shiyal atau mempertahankan diri ialah mangsa yang melakukan serangan balas terhadap penyerang yang menyerang sama ada dalam apa jua bentuk jenis serangan yang melibatkan nyawa, maruah atau harta, hakim atau imam perlu membuat penelitian yang terperinci dari sudut bahan-bahan bukti dan keterangan kedua-dua pihak sama ada penyerang atau orang yang diserang. Sekiranya imam atau hakim mendapati bukti yang kukuh dan keterangan yang jelas untuk mensabitkan dengan hukuman hudud, maka terlaksana hukuman hudud tersebut sebagaimana yang ditetapkan.

Namun, apabila berlaku ketidakcukupan bukti bagi mensabitkan hukuman hudud tersebut, maka gugur hukuman hudud ke atasnya. Walaubagaimanapun, sekiranya masih disabitkan dengan kesalahan, berpindah kepada pelaksanaan hukuman takzir. Hukuman takzir mengikut apa yang ditetapkan oleh imam atau hakim keatas pesalah.

#### 8. اضطرار لا يبطل حق الغير

Kaedah ini bermaksud keadaan terpaksa tidak membatalkan atau memansuhkan hak orang lain. Jika dalam keadaan darurat, suatu hukum boleh berubah daripada haram kepada harus. Walaubagaimanapun, hukum harus tersebut tidak boleh membatalkan hak orang lain sama ada dalam bentuk samawi seperti menzalimi haiwan atau bukan samawi seperti paksaan tetapi dikenakan ganti rugi ke atas orang yang dipaksa (Zuhaily 2006).

Berdasarkan kepada kaedah ini, ulama Hanafi berpendapat bahawa jika seseorang membunuh seekor unta yang menyerang atau binatang lain adalah dikenakan bayaran ganti rugi kerana harta yang dirosakkan atas sebab terpaksa wajib dikenakan ganti. Ini berpegang kepada kaedah : "keadaan terpaksa tidak membatalkan atau memansuhkan hak orang lain." (Shahbari 1996).

#### 9. ما لا يتم الواجب الا به فهو واجب

Kaedah ini bermaksud sesuatu yang tidak sempurna perkara wajib melainkan dengannya, maka hukum mempelajarinya adalah wajib (Basri Ibrahim 2009). Wajib sabit ke atas mukallaf dan kewajipan tidak dapat dilaksanakan melainkan ada bersamanya perbuatan yang lain yang tiada dalil menunjukkan perbuatan itu sesuatu yang wajib (Ibrahim 2012).

Sesuatu perintah terkandung di dalamnya makna wajib. Tetapi adakah melakukan perkara yang diperintahkan itu bergantung kesempurnaan dengan sesuatu yang lain? Oleh itu, sesuatu yang wajib itu akan sempurna dengan sesuatu yang lain yang sabit dengan asal kewajipannya (Abd Karim 2009).

Berdasarkan kaedah ini, mempelajari seni mempertahankan diri seperti silat, judo, karate, dan tae kwan do adalah tidak menjadi kesalahan dan tidak haram bagi yang mampu, bahkan menjadi satu perkara yang digalakkan bagi sesetengah orang, dan wajib pula bagi sesetengah yang lain jika bimbang akan berlaku dan terdedah kepada pencerobohan secara fizikal. Menguasai dan menekuni salah satu seni ini merupakan wasilah yang sesuai untuk menentang pencerobohan (Basri Ibrahim 2009).


Namun, segala bacaan jampi mentera yang digunakan, sewajarnya diperiksa terlebih dahulu, jika mengandungi unsur syirik, penghinaan terhadap al-Quran dan pemujaan terhadap jin, hendaklah dijauhi dan dibuang (Basri Ibrahim 2009).

## KESIMPULAN

Mempertahankan diri ketika menghadapi kezaliman dan serangan adalah sesuatu yang dibenarkan dan disyariatkan dalam Islam. Adapun hukum wajib, harus dan haram mempertahankan diri adalah berbeza mengikut situasi dan bentuk kezaliman dan serangan ke atas individu perseorangan mahupun kelompok masyarakat tertentu. Walaupun Islam mensyariatkan pembunuhan dilakukan bagi mempertahankan diri, tetapi perlu meneliti setiap peringkat dan garis panduan yang ditetapkan dalam Islam. Pembunuhan hanya dibenarkan ketika dalam keadaan darurat yang tidak memungkinkan untuk melakukan perkara yang lebih ringan. Adapun, sekiranya pembunuhan tetap berlaku walhal memadai untuk melakukan yang lebih ringan, maka, tanggungjawab keatasnya dengan sabit kesalahan dan sabit hukuman. Keadaan darurat perlu diteliti dengan penelitian yang terperinci berdasarkan kaedah-kaedah usul dan fiqhiyyah yang dibentangkan. Justeru, pentingnya sikap berhati-hati dan tidak mengikut emosi untuk membunuh pelaku jenayah kerana apabila telah sabit kesalahan dan sabit hukuman, tidak dapat tidak perlu dilaksanakan hukuman sebagaimana Islam. Di peringkat mahkamah juga, untuk mensabitkan suatu kesalahan dan hukuman bukanlah suatu perkara yang mudah, malah perlu meneliti dengan terperinci dan mengkaji dengan kemas dan rapi berdasarkan lunas-lunas hukum Islam agar tidak menjatuhkan hukuman sewenang-wenangnya dan melampaui batas syarak.

## RUJUKAN

- Abd Kadir 'Audah. 2008. *Tasyri' Jina'i Islami Muqarana Bil Kanun Wada'i*. Jil.1. Arabi: Dar Katib.
- Abd Kadir Ahnawat. 2011. *Daf'u Shail Fi Syariah Islamiah: Ahkamuhu Wa Syurutuhu*. Majalah Bayan Sepetember: 21.
- Abd Karim Zaidan. 2003. *Al-Wajiz Fi Syarah Qawaaid Fiqhiyyah Fi Syariah Islamiyyah*. Beirut: Muassasah Risalah.
- Abd Karim Zaidan. 2009. *Wajiz Fi Usul Fiqh*. Beirut: Muassasah Risalah.
- Abd Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin. 2000. *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Abu Ishaq Ibrahim Ali. 2002. *Al-Muhazzab*. Jil. 2. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Ahmad Shahbari Salamon. 1996. *Fiqh Dan Perundangan Islam*. Jil. 5. Terj. Syria: Dar El Fikr.
- Aiman Hamzah Abd Hamid Ibrahim. 2012. *Qawaaid Usuliyyah Wa Tatbiqatiha Al-Fiqhiyyah 'Inda Syeikh Islam Ibn Taimiyyah: Dirasah Muqaranah*. Kaherah: Dar Yasir. Al-Quran. (t.th.).
- Basri Ibrahim. 2009. *Isu-Isu Fiqh Halal & Haram Semasa*. Jil. 2. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- H. A. Djazuli. 2006. *Kaidah-Kaidah Fikih: Kaidah-Kaidah Hukum Islam Dalam Menyelesaikan Masalah-Maslah Yang Praktis*. Jakarta: Kencana.
- Ibnu Rusyd. t.th. *Bidayatul Mujtahid*. Beirut: Darul Fikr.
- Mardhiya Mukhtar. 2004. *Kaedah-Kaedah Hukum Islam Mazhab Shafi'i*. Terj. Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.
- Mausu'ah Fiqhiyyah. 1993. Jil. 28. Dar Safwah.
- Mu'ammal Hamidy, Imron & Umar Fanany. 1994. *Nailul Authar Himpunan Hadis-Hadis Hukum*. Jil. 6. Terj. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Muhammad Makram Ibn Manzur. 2010. *Lisan arab*. Jil. 11. Beirut: Dar Sadir.
- Muhammad Makram Ibn Manzur. 2010. *Lisan arab*. Jil. 8. Beirut: Dar Sadir.
- Muhammad Mustafa Zuhaily. 2006. *Qawaaid Fiqhiyyah Wa Tatbiqatiha Fi Mazahib Arba'ah*. Jil.1. Damsyik: Dar Fikri.
- Muhammad Mustafa Al-Zuhaily. 2012. *Al-Mu'tamad Dalam Fiqh Mazhab Syafi'i*. Jil. 10. Kuala Lumpur: Persekutuan Seruan Islam.
- Mustafa Khin, Mustafa Bugha & 'Ali Syarjaji. 2011. *Fiqh Manhaji 'Ala Mazhab Imam Syafi'i*. Jil. 3. Damsyik: Dar Al-Qalam.
- Nashr Farid Muhammad Washil & Abdul Aziz Muhammad Azzam. 2009. *Qawa'id Fiqhiyyah*. Jakarta: AMZAH.
- Razali Nawawi. 2009. *Qawaaid Fiqhiyyah: Prinsip-Prinsip Fiqh Islam*. Kelantan: Pustaka Aman Paris Sdn.Bhd.
- Zainal Abidin Ibrahim. 1998. *Isybah Nazair 'Ala Mazhab Abi Hanifah Nu'man*. Beirut: Maktabah 'Asriyah.
- Ziad Hamdan Mahmud Sakhin. 2008. *Difa' Syarie Khas (Daf'u Shail) Fi Fiqh Islami (Dirasah Muqaranah Ma'a Qanun Wada'i)*. Tesis Dr. Fal, University Of Palestin.



# Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam: Madrasah Pertama dan Masjid Pertama dalam Islam

Oleh:

**Hisam Satari**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Dar al arqam ialah tempat pertama lokasi dakwah dalam Islam. Bilamana Rasulullah SAW menjadikan tempat ini sebagai lokasi berhimpun bersama generasi pertama umat Islam. Mereka menerima dan belajar semua wahyu yang diturunkan kepada rasulullah. Di lokasi inilah mereka diajar untuk menyebut kebesaran Allah SWT dan diajar membaca ayat-ayat al-Quran. Inilah madrasah awal yang paling agung yang didalamnya diisi dengan tarbiah dan pendidikan. Pendidiknya ialah baginda Rasulullah SAW, guru sekalian umat manakala anak muridnya ialah para pendakwah dan sahabat-sahabat besar baginda.

## **Pemilik rumah Dar al-Arqam**

Rumah ini dimiliki oleh sahabat yang mulia al-Arqam bin abi al-Arqam al Mahzumi. Nama sebenarnya ialah Abdul Manaf bin Asad bin Abdullah bin Umar bin Mahzum. Ia dikenali dengan gelaran Abu Abdullah. Beliau merupakan kelompok awal di kalangan sahabat nabi yang memeluk Islam. Ahli sejarah menukilkan bahawa beliau merupakan sahabat yang ke-11 yang memeluk Islam. Beliau termasuk dalam kelompok awal yang berhijrah ke Madinah, terlibat dalam perperangan Badar, Uhud dan perperangan lain bersama dengan Rasulullah SAW. Beliau mengingatkan kepada anak-anaknya agar rumah ini tidak dijual dan diwarisi.

## **Nama-nama yang dinisbahkan kepada rumah ini (Nama lain bagi Dar al-Arqam)**

Selain daripada Dar al-Arqam, rumah ini turut dikenali dengan 'Dar al-Islam'. Di rumah ini Rasulullah SAW menyeru agar beliau memeluk Islam, dan di rumah inilah berhimpunnya umat Islam secara rahsia. Mereka mendirikan solat, dan dirumah inilah Sayyiduna Umar bin al-Khattab memeluk Islam. Selain itu, ia juga digelar sebagai 'tempat persembunyian', serta 'Dar al-khizran' yang merujuk kepada bilangan orang yang berhimpun di dalamnya.

### **Lokasi Dar al-Arqam**

Dar al-Arqam dibina sebelum kedatangan Islam. Ia merupakan tempat tinggal untuk keluarga al-Arqam yang terletak di atas bukit Sofa yang jaraknya dengan masjid al-Haram lebih kurang 112.5 hasta. Ia terletak diluar masjid al-Haram. Rumah ini sentiasa dijaga dan dibaiki sepanjang pemerintahan Islam sehingga ia termasuk ke dalam ruangan masjid al-Haram semasa pembesaran ruangan masjid oleh pihak berkuasa pada tahun 1956 masihi. Walau bagaimanapun, rumah ini kemudiannya telah dirobohkan pada 28 Syawal 1375 hijriah dan kini tapaknya menjadi sebahagian dari Masjid al-Haram.

## **Faktor pemilihan Dar al-Arqam sebagai lokasi dakwah**

Rasulullah telah memilih rumah Dar al-Arqam kerana lokasinya yang berhampiran dengan kaabah al-Musyarrifah. Ia berubah dari awalnya sebagai rumah bagi keluarga al-Arqam kepada pusat rahsia untuk penyebaran dakwah Islam serta menjadi pusat pertemuan 40 orang sahabat bersama dengan Rasulullah SAW untuk mendengar dan mempelajari ilmu daripada Rasulullah SAW secara bertalaqqi. Ia turut dikenali sebagai masjid pertama dalam sejarah Islam kerana di sutton mereka mempelajari kefarduan solat, dan melaksanakan solat berjamaah bersama dengan Rasulullah SAW. Dari rumah inilah juga Rasulullah SAW keluar untuk berdakwah secara jelas dengan membuat dua barisan, di mana barisan pertama diketuai oleh Sayyiduna Hamzah bin Abdul Mutallib dan satu lagi barisan diketuai oleh Sayyiduna Umar bin al Khattab selepas beliau memeluk Islam.

**Kesimpulannya,** Dar al-Arqam ini bermula awalnya dari sebuah rumah biasa bertukar menjadi masjid dan tempat perbincangan untuk merangka strategi dakwah Islam. Kemudian ia menjadi tempat pengajian (madrasah) ilmu Islam dan berakhir menjadi sebahagian daripada masjid al-Haram al-Sharif yang merupakan rumah Allah yang sangat mulia di atas muka bumi.

# **PROGRAM SUMBANGAN BAJU RAYA**

Oleh:

**Suhaila Sharil**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

**Hjh Jawiyah Darmawan**

Jawatankuasa Kebajikan I-Bantu



**Senawang**, 23 April 2022 - Program Sumbangan Baju Raya telah diadakan di Mydin Senawang. Terdapat 6 keluarga asnaf yang terlibat terdiri daripada 10 orang kanak-kanak daripada Taman Tuanku Jaafar, 8 orang Pelajar Asnaf UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau dan seorang pelajar ITQAN. Program ini telah dianjurkan oleh IKRAM Rembau dengan Kerjasama Yayasan IKRAM Malaysia.

Seawal jam 11.30 pagi mereka telah tiba bersama rakan-rakan dengan disantuni dan telah disambut mesra oleh Cikgu Nuramirah Diyana binti Kamar Zaman, guru Sekolah Kebangsaan Pedas yang merupakan Penolong Setiausaha IKRAM Rembau dan Hajah Jawiyah Darmawan yang mewakili Yayasan IKRAM Malaysia.

Para peserta diberikan masa satu jam untuk memilih keperluan barang raya yang sesuai dengan mereka contohnya pemilihan dari segi saiz, warna dan jenis kain. Selepas pemilihan tersebut semua peserta dikehendaki berkumpul dan Yayasan IKRAM Malaysia membuat bayaran kepada pihak Mydin. Alhamdulillah, program ini mendapat sambutan yang sangat meriah dengan pemilihan barang-barang berbentuk pakaian raya seperti Baju Melayu, songkok, songket, kain Samping, Baju Kurung, Baju Kebaya, tudung dan kasut raya. Menurut Jawatankuasa Kebajikan IKRAM, program ini diharapkan dapat menggembirakan hati semua asnaf dan menyuntik semangat kepada anak-anak ini untuk meraikan Aidilfitri

yang bakal tiba tidak lama lagi.

Terdapat juga pelajar-pelajar asnaf yang merupakan anak yatim begitu gembira dengan sumbangan baju raya yang diberikan dan mereka turut mengingati orang di sekeliling mereka dengan membeli kasut raya untuk adik-adik. Semoga dengan adanya program seperti ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban golongan asnaf. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Tn Hj. Mohd Misri Bin Dollah Kanan yang merupakan Timbalan Yang Dipertua IKRAM Rembau kerana turut bersama-sama memeriahkan program serta Tn. Hj. Jamaludin Hasan dan Cikgu Nurul Najihah Nor Mohamed Ahli Jawatankuasa IKRAM Rembau yang berusaha memastikan program tersebut berjalan dengan lancar.

